

20/04/2003

Hadi Awang sedia pertahan Dr Mahathir

Manja Ismail; Kadir Dikoh

KUALA TERENGGANU: Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kagum dengan ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan dasar luar Malaysia, malah beliau sanggup mempertahankan Perdana Menteri jika kuasa asing cuba mencampuri urusan dalaman negara ini.

Katanya, beliau amat kagum dengan keberanian Dr Mahathir menyuarakan penentangan terhadap Amerika Syarikat dan sanggup menolak bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebelum ini.

"Saya sanjung Perdana Menteri berhubung dasar luar negara, menolak bantuan IMF. Beliau menolak itu, saya sungguh kagum. Dalam pemulihan ekonomi negara, kita tak bersangkut dengan IMF. Ini satu-satu tindakan yang saya setuju," katanya.

Beliau berkata demikian dalam temuramah khas dengan wartawan akhbar kumpulan The New Straits Times Bhd yang diketuai Ketua Pengarang Kumpulannya, Tan Sri Abdullah Ahmad di pejabatnya di sini, Rabu lalu.

Hadi berkata, jika Amerika campur tangan dalam urusan Malaysia supaya Perdana Menteri berhenti, beliau akan pertahankannya.

"Saya tak mahu Amerika campur tangan kerana suruh Perdana Menteri kita letak jawatan.

"Tetapi kalau itu sikap PM sendiri (mahu meletak jawatan Oktober ini), itu OK, terpulang pada dia. Ini satu sikap yang jelas bahawa kita tidak mahu campur tangan asing tetapi dalam masalah rumah tangga tanah air kita, sudah tentulah kita perlu memberi pandangan kita sendiri untuk kebaikan tanah air kita," katanya.

Mengenai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambilalih kepemimpinan negara daripada Dr Mahathir mulai November ini, beliau berharap pemangku Perdana Menteri itu dapat meneruskan beberapa perkara yang dilakukan oleh Perdana Menteri.

Katanya, ia termasuk dasar yang tidak tunduk kepada Amerika Syarikat dan IMF serta beberapa dasar penting lain.

Hadi berharap, apabila Abdullah menjadi Perdana Menteri, berlaku sesuatu perubahan dalam negara sejajar kehendak sebuah negara demokrasi tanpa sebarang halangan yang tidak munasabah.